



Kuasa Wanita *Dalam Pembangunan Negara*

Oleh **Sham Azman**

Pelibatan dan sumbangan wanita dalam pembangunan ekonomi negara sememangnya tidak dapat disangkal. Dengan jumlah yang mewakili separuh daripada penduduk Malaysia, iaitu sebanyak 13.1 juta dan membentuk hampir 5.0 juta keluarga, peranan wanita hari ini amat besar. Jika dahulu, wanita sering dikaitkan sebagai suri rumah, tetapi segalanya berubah sesuai dengan 50 tahun kemerdekaan yang dicapai oleh negara.

Baru-baru ini, ketika berlangsungnya Sidang Kemuncak Wanita 2007, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, mendedahkan bahawa

pembangunan ekonomi negara, turut berkait rapat dengan sumbangan tenaga kerja wanita yang melibatkan kumpulan umur bekerja, iaitu 15 tahun hingga 64 tahun, yang mewakili 64.4 peratus atau lebih kurang 8.3 juta penduduk. Hal ini tidak termasuk sumbangan "tidak berbayar" yang secara tidak langsung membantu kerajaan mengukuhkan kedudukan ekonomi negara.

Menurut Shahrizat, wanita yang bekerja sebagai suri rumah, menyumbang kira-kira 45 peratus kerja tanpa bayaran. Daripada jumlah itu katanya, sekiranya sumbangan tersebut dinilai dari segi wang ringgit, nilainya dianggarkan berjumlah hampir RM55 bilion berasaskan Keluaran

Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2006. Sekali gus, jumlah yang besar itu membuktikan keupayaan tenaga kerja wanita di negara ini yang mampu meletakkan Malaysia sebaris dengan negara membangun dan sedang meningkatkan kedudukan sebagai negara maju menjelang tahun 2020.

Sesuai dengan tema prestasi pencapaian wanita pada hari ini amat memberangsangkan. Berdasarkan petikan ucapan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, dalam sidang kemuncak yang bertemakan "Wanita Nadi Pembangunan", pada tahun 1959, golongan wanita yang berjaya bergelar siswazah di Universiti Malaya hanya 77

orang atau 10.7 peratus daripada jumlah pelajar yang ada. Namun demikian, kini nisbah menunjukkan jumlah tersebut melangkaui jumlah pelajar lelaki dengan 61:39. Hal ini tidak termasuk jika mengambil kira pelibatan wanita dalam pasaran buruh yang memperlihatkan peningkatan dari 30.8 peratus yang dicatat pada tahun 1957 kepada sekitar 46 peratus bagi tempoh 2000 – 2006.

Sementara itu, wanita terus diberi kepercayaan oleh kerajaan apabila dalam konsep perkongsian kuasa dan pembuat keputusan sama ada dalam bidang politik mahupun ekonomi, suara wanita turut diambil kira. Sekalipun sasaran 30 peratus pelibatan wanita sebagai pembuat dasar masih belum mencapai matlamat, keupayaan wanita dalam memberikan kerjasama membangunkan masyarakat dan ekonomi negara, amat membanggakan.

Hal ini turut diakui oleh Najib apabila menjelaskan, terdapat banyak bidang yang memperlihatkan pertambahan pelibatan wanita termasuk sebagai pengundi, penyertaan sebagai ahli politik dan calon politik. Dengan kata lain, guna tenaga wanita bertambah dengan banyak termasuk dalam sektor pembuatan, perkhidmatan, masyarakat, sosial, swasta serta politik.

Secara dasarnya, pelibatan wanita dalam membangunkan ekonomi negara sememangnya disedari. Lantas, sebagai tanda terima kasih kerajaan atas usaha yang dijalankan oleh golongan wanita, maka Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Integrasi Wanita dalam Pembangunan (NACIWID) di Jabatan Perdana Menteri ditubuhkan pada tahun 1976. Penubuhan NACIWID bertujuan untuk menterjemahkan pelan tindakan sedunia tentang wanita dalam pembangunan negara.

Selain itu, Urus Setia Hal Ehwal Wanita (HAWA) pula ditubuhkan pada tahun 1983 dengan fungsi untuk mengawasi dan menilai perkhidmatan yang dibekalkan oleh sektor awam dan swasta bagi faedah wanita. Sesuai dengan perkembangan zaman dan tuntutan semasa, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan

Masyarakat (KPWKM), iaitu kementerian yang khusus dalam menjaga hal ehwal dan pembangunan wanita turut diberi tempat dalam barisan kabinet kepimpinan kerajaan.

Dengan diterajui oleh Shahrizat, segala hal ehwal wanita terus mendapat perhatian agar usaha yang dijalankan oleh wanita, mendapat layanan yang sewajarnya daripada kerajaan. Justeru, berdasarkan sumbangan besar wanita dalam membangunkan ekonomi negara, Shahrizat yang menyedari beban yang terpaksa ditanggung oleh wanita sebagai pekerja, suri rumah, isteri dan ibu, menggesa kerajaan serta syarikat korporat mahupun swasta supaya dapat mempertimbangkan pelan tindakan yang membawa manfaat kepada wanita. Gesaan tersebut bertujuan untuk memastikan agar wanita mampu mencapai keupayaan bekerja tanpa mengabaikan kesejahteraan keluarga. Syarikat yang berjaya menarik dan mengekalkan pekerja wanita yang mahir serta berpengetahuan akan memperoleh keuntungan jika mereka bersedia mewujudkan persekitaran tempat kerja yang kondusif untuk wanita dan keluarga.

Dalam memperkatakan kuasa wanita dalam pembangunan ekonomi negara, kerajaan mengambil inisiatif untuk menggubal Dasar Wanita Negara (DWN) pada tahun 1989. Penggubalan dasar yang dilihat sebagai kesungguhan usaha kerajaan, umumnya bertujuan mengintegrasikan sumbangan wanita dalam proses pembangunan negara, di samping menjaga kepentingan dan penyertaan wanita supaya tidak terabai.

Dalam hal ini, dua objektif yang menjadi fokus penggubalan DWN adalah untuk menjamin perkongsian yang saksama antara lelaki dengan wanita dalam pemilihan sumber dan maklumat, selain mendapatkan peluang dan faedah daripada pembangunan. Sementara objektif keduanya adalah untuk mengintegrasikan golongan wanita dalam semua sektor pembangunan negara selaras dengan kemampuan dan keperluan mereka

bagi tujuan meningkatkan mutu kehidupan, membasmi kemiskinan, menghapuskan kejahatan dan buta huruf serta memastikan negara berada dalam keadaan aman dan makmur.

Perumpamaan "tangan wanita yang menghayun buaian boleh menggegarkan dunia" dapat dilihat sebagai gambaran yang paling tepat untuk memperlihatkan kesungguhan wanita di negara ini, khususnya bagi memastikan kestabilan negara dan kedudukan ekonomi negara yang kukuh. Berdasarkan pembentangan Belanjawan 2008, sekurang-kurangnya golongan wanita khususnya dan rakyat Malaysia amnya, dapat menarik nafas lega. Belanjawan 2008 yang memperuntukkan RM176.9 bilion, 10.9 peratus lebih tinggi berbanding dengan Belanjawan 2007, dilihat sebagai "habuan" kepada semua golongan, termasuk keistimewaan yang diberikan kepada wanita.

Dalam ucapan pembentangan Belanjawan 2008, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengakui kekuatan Malaysia turut terbina atas penyertaan wanita dalam pembangunan negara. Katanya, kebolehan dan keupayaan wanita digilap sepenuhnya tanpa diskriminasi. Justeru, bagi menghargai sumbangan tersebut, kerajaan bersedia memperuntukkan RM782 juta untuk KPWKM.

Melalui peruntukan tersebut, pelbagai program akan dilaksanakan, termasuklah pembangunan kapasiti dan kemahiran wanita, khususnya bagi ibu tunggal serta program mengimarah Rumah Nur. Kerajaan juga menggalakkan kaum ibu dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak, sekali gus memberikan peluang pekerjaan untuk suri rumah. Dengan adanya program seumpama ini, pelibatan wanita dalam pasaran kerja akan meningkat, malah golongan wanita boleh mengambil peluang yang diberikan untuk menambahkan jumlah pendapatan keluarga.

Dalam usaha merealisasikan hasrat tersebut, kerajaan memperuntukkan RM10 juta bagi membolehkan badan

bukan kerajaan (NGO) memberikan latihan kepada suri rumah tentang kaedah penjagaan bayi dan kanak-kanak. Turut menjadi khabar gembira buat wanita ialah apabila pada tahun 2008, tiga buah Pusat Anak Permata Negara akan beroperasi dan menjadikan jumlah keseluruhan 15 buah pusat bagi membantu dan memudahkan proses pendidikan awal anak. Berbaloi dengan pengorbanan yang dilakukan oleh wanita selama ini, khususnya dalam usaha menajana pendapatan keluarga dan negara, kerajaan turut mencadangkan pengecualian duti setem sepenuhnya terhadap pindah milik hartanah daripada suami kepada isteri, begitu juga sebaliknya.

Umumnya, Belanjawan 2008, dilihat sebagai "pembuka jalan" khusus untuk golongan wanita meraih pendapatan baharu melalui beberapa bentuk program kemahiran yang bakal diatur oleh KPWKM. Bahkan, jaminan untuk anak-anak yang ditinggalkan ketika ibu keluarga bekerja, iaitu mendapat pendidikan yang sempurna, turut memberikan nafas lega kepada para ibu dalam memberikan komitmen sepenuhnya kepada rutin tugas dan tanggungjawab kerja yang dipikul.

Tan Sri Zetti Akhtar Ungku Abdul Aziz

Anak daripada pasangan Ungku Aziz dan Sharifah Azah Aziz ini menjadi sumber inspirasi kejayaan wanita apabila diberi kepercayaan memegang jawatan penting negara sebagai Gabenor Bank Negara. Beliau dilahirkan pada 27 Ogos 1954, Zetti mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Assunta, Petaling Jaya. Beliau kemudiannya, melanjutkan pengajian dengan menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dalam bidang Ekonomi Analitikal dan sarjana serta doktor falsafah dalam bidang kewangan dan ekonomi antarabangsa pada 1978. Beliau memulakan kerjaya sebagai penyelidik ekonomi di pusat penyelidikan dan pelajaran Bank Pusat Asia Tenggara. Seterusnya sebagai Penolong Pengurus Jabatan Ekonomi di Bank Negara Malaysia. Antara jawatan penting yang turut disandang termasuklah sebagai Ketua Jabatan Ekonomi Bank Negara Malaysia serta Pemangku Gabenor Bank Negara Malaysia.



Datuk Seri Rafidah Aziz

Beliau dilahirkan pada 4 November 1943 di Selama, Perak dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah "Kampung Baru, Kuala Lumpur. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi di Universiti Malaya pada tahun 1966 dan melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dalam bidang yang sama pada tahun 1970. Pernah dilantik sebagai senator dan pada tahun 1976 dilantik sebagai Setiausaha Parlimen untuk Public Enterprises Minister pada tahun 1977. Pada tahun 1978, beliau dilantik sebagai ahli Parlimen dan kini berkhidmat sebagai Menteri di Kementerian Industri dan Perdagangan Antarabangsa.